



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**22 Disember 2023
09 Jamadilakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Rezeki menyauk belanak
Kosmo !	
Sinar Harian	• Pendaratan penyu agar di Pahang meningkat
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

Pendaratan penyu agar di Pahang meningkat



ABDULLAH

KUANTAN - Kadar pendaratan spesies penyu agar bertelur di Pahang meningkat sebanyak 16 peratus pada tahun ini berdasarkan trend direkodkan tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, peningkatan itu sebanyak 428 berbanding tahun 2022 terdapat 368 pendaratan di perairan pantai negeri ini.

"Pendaratan terbabit telah menghasilkan 33,881 telur penyu dengan 23,983 daripadanya menetas di tapak penetasan di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP), Cherating.

"Jadi, ada peningkatan 13 peratus dari segi penghasilan telur penyu. Kalau tahun lalu sejumlah 30,023 telur dan 22,086 daripadanya menetas" katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Sebelum itu, seramai 40 kakitangan Jabatan Perikanan negeri dengan kerjasama syarikat minyak dan gas, Bumi Armada Berhad menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) terlibat dalam aktiviti pemeriksaan dan pembersihan tapak penetasan penyu di sini.

Mengulas lanjut aktiviti itu, Abdullah berkata, program kesedaran dan pemuliharaan penyu lazim

dibuat semasa musim monsun iaitu di luar musim penyu bertelur yang biasanya bermula bulan Februari hingga Oktober setiap tahun.

"Program itu juga mendedahkan kawasan pengeraman telur kepada matahari dan pengudaraan serta mengelak pertumbuhan fungus," ujarnya yang turut menerima sembilan laporan aduan kematian penyu dewasa pada tahun ini.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			31	22-12-2023

Rezeki menyauk belanak

Hw m31



NELAYAN pantai memanfaatkan cuaca cerah untuk ke pantai bagi menyauk ikan belanak pada musim tengkujuh ketika tinjauan di Pantai Melawi, Bachok. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengemaskini amaran hujan berterusan (waspada) yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuat kuasa sehingga 25 Disember 2023. Pada masa sama amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga 25 Disember 2023.